



اوتیورسیتی ملیسیا فهیج السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

GARIS PANDUAN SKIM LANTIKAN PASCA DOKTORAL UMPSA

KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKASURAT
	PERMOHONAN DAN PERATURAN	
1.0	Definisi dan Tujuan	3
2.0	Kuasa Melantik	4
3.0	Kelayakan	5 - 6
4.0	Tempoh Lantikan Dan Pelanjutan Lantikan	7
5.0	Kaedah Permohonan	8
6.0	Tugas Dan Tanggungjawab	9
7.0	Petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicator</i>)	10 - 11
8.0	Gaji Dan Insentif Penerbitan	12 - 13
9.0	Cuti Rehat	13
10.0	Perjalanan Ke Luar Negara Atas Urusan Penyelidikan Atau Peribadi	14
11.0	Kemudahan Lain	15
12.0	Penamatan Perkhidmatan	15
13.0	Lain-Lain	15
	LAMPIRAN	
	Carta Alir Proses Kerja	16

1.0 DEFINISI DAN TUJUAN

- 1.1 Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA merupakan salah satu bentuk kemudahan yang memberi manfaat kepada UMPSA khususnya dalam memacu kecemerlangan penyelidikan UMPSA yang dikategorikan seperti berikut:
- (a) **Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Konvensional** Lantikan yang menggunakan samada peruntukan universiti, geran penyelidikan yang berdaftar dengan universiti berdasarkan garis panduan yang membenarkan, pembiayaan sendiri/luar/sumber lain/gabungan berdasarkan garis panduan yang membenarkan yang mana Lantikan Pasca Doktorat perlu berada di universiti sepanjang tempoh lantikan.
 - (b) **Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Jarak Jauh (*Remote*)** Lantikan yang menggunakan samada peruntukan universiti, geran penyelidikan yang berdaftar dengan universiti berdasarkan garis panduan yang membenarkan, pembiayaan sendiri/luar/sumber lain/gabungan berdasarkan garis panduan yang membenarkan, yang mana Lantikan Pasca Doktorat tidak perlu berada di universiti sepanjang tempoh lantikan.
- 1.2 Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA yang diwujudkan bertujuan untuk:
- (a) Meningkatkan output penyelidikan UMPSA terutamanya bagi penerbitan berimpak tinggi dan perolehan geran luar.
 - (b) Meningkatkan kecemerlangan UMPSA dalam aspek penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan.
 - (c) Memberi peluang kepada penemuan dan teknik baharu dalam penyelidikan di UMPSA.
 - (d) Menyumbang kepada penarafan universiti seperti MyRA, QS World Ranking, THE Ranking dan lain-lain penarafan universiti yang berkaitan.

2.0 KUASA MELANTIK

2.1 Calon yang disokong oleh fakulti/pusat/pusat kecemerlangan akan diperakukan dalam Jawatankuasa Pemilih dan Penilai Kemajuan Lantikan Pasca Doktoral UMPSA yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

2.2 **Ahli Jawatankuasa Pemilih dan Penilai Kemajuan Lantikan Pasca Doktoral UMPSA** adalah seperti berikut:

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ahli : Penolong Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

: Dekan Fakulti/Pusat

: Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Penyelidikan

: Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Kecemerlangan Penyelidikan

: Pengarah Pusat Kecemerlangan

Urusetia : Pusat Strategi & Pembangunan Penyelidikan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi

2.3 Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ini ialah 1/3 daripada jumlah keahliannya.

2.4 Jika Pengerusi tidak dapat menghadiri/mempengerusikan mesyuarat, Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli untuk mempengerusikan mesyuarat.

2.5 Calon yang diperakukan dalam Jawatankuasa Pemilih dan Penilai Kemajuan Lantikan Pasca Doktoral UMPSA akan dibawa untuk kelulusan Naib Canselor

3.0 KELAYAKAN

3.1 Calon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara.
- (b) Bukan merupakan seorang kakitangan dalam perkhidmatan tetap/kontrak UMPSA.
- (c) Bagi calon bukan warganegara, kebenaran calon memohon jawatan Pasca Doktoral di UMPSA sewaktu berkhidmat di agensi/institusi lain adalah tertakluk di bawah kebenaran agensi/institusi terbabit dan UMPSA tidak akan bertanggungjawab pada pelanggaran kontrak atau perjanjian perkhidmatan.
- (d) Memiliki kelulusan Ijazah Doktor Falsafah dalam tempoh lima (5) tahun daripada tarikh permohonan terpakai bagi Skim Lantikan Pasca Doktoral UMPSA Secara Konvensional sahaja.
- (e) Mempunyai rekod penerbitan artikel jurnal yang diindeks dalam pangkalan data Web of Science (WoS) sebagai Penulis Utama. Calon mempunyai minimum 4 penerbitan WoS (Q1 Q2) untuk bidang S&T atau minimum 2 penerbitan WoS (Q1 Q2) untuk bidang non S&T. Calon mempunyai track record penerbitan sebagai penulis pertama serta mempunyai track record penerbitan terkini.
- (f) Mempunyai bidang penyelidikan yang berkaitan dengan Penyelia dan berkaitan dengan bidang tujahan fakulti/pusat/pusat kecemerlangan yang dipohon. Calon mempunyai latar belakang penyelidikan yang berkaitan dengan geran penyelidikan penyelia dan kertas kerja penyelidikan pasca doktoral.

-
- (g) Bagi pelantikan kali pertama, calon perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan diakui sihat oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar. Pegawai yang dilantik semula yang berumur kurang 56 tahun tidak perlu menjalani pemeriksaan kesihatan kecuali terdapatkeperluan untuk berbuat demikian; dan calon atau pegawai yang berumur lebih 56 tahun, sama ada untuk lantikan kali pertama atau lantikan semula, hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan sihat oleh pengamal perubatan/ pergigian berdaftar terpakai bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Konvensional sahaja.

3.2 Penyelia hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Mempunyai rekod penerbitan yang berkualiti dan diindeks dalam pangkalan data Web of Science (WoS) dan sekurang-kurangnya H- Index Scopus ≥ 7 serta tertakluk kepada perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih dan Penilai Kemajuan Lantikan Pasca Doktorat UMPSA.
- (b) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) geran luar yang aktif dan berdaftar dengan universiti dengan jumlah minimum RM 50, 000 (bagi bidang S&T) manakala jumlah minimum RM 30,000 (bagi bidang Bukan S&T).
- (c) Tidak pernah menyelia Pasca Doktorat samada Konvensional atau *Remote* yang menggunakan peruntukan universiti dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh permohonan dikemukakan. (Tidak terpakai kepada Skim Lantikan Pasca Doktorat yang menggunakan geran penyelidikan yang berdaftar, pembiayaan sendiri/luar/sumber lain/gabungan). Tempoh 2 tahun tidak terpakai sekiranya Pasca Doktorat meletak jawatan dalam tempoh 3 bulan.
- (d) Mempunyai bidang penyelidikan yang berkaitan dengan Calon Pasca Doktorat dan berkaitan dengan bidang tujuhan fakulti/pusat/pusat kecemerlangan yang dipohon.

4.0 TEMPOH LANTIKAN DAN PELANJUTAN LANTIKAN

- 4.1 Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Konvensional adalah berstatus kontrak.
- 4.2 Tempoh pelantikan bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Konvensional hendaklah sekurang-kurangnya minimum 24 bulan (dua (2) tahun) tetapi tidak melebihi 36 bulan (tiga (3) tahun) pada satu- satu masa atau mengikut kemampuan peruntukan kewangan.
- 4.3 Tempoh pelanjutan bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Konvensional boleh dipertimbangkan tertakluk kepada:
 - (a) Perkhidmatan memuaskan berdasarkan KPI yang ditetapkan dan diperakukan oleh Penyelia dan Dekan/Pengarah yang mana berkenaan.
 - (b) Peruntukan kewangan universiti/geran/sumber pembiayaan adalah mencukupi bagi tujuan pembayaran gaji/honorarium dan faedah dan kemudahan yang berkaitan.
- 4.4 Tempoh pelantikan bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Jarak Jauh (*Remote*) adalah maksimum 12 bulan (satu (1) tahun).

5.0 KAEDAH PERMOHONAN

- 5.1 Calon dikehendaki mengemukakan dokumen berikut semasa permohonan:
- (a) Borang Permohonan
 - (b) Resume Lengkap
 - (c) Kertas Cadangan Penyelidikan dan Jadual Kerja Penyelidikan
 - (d) Salinan Kad Pengenalan / Passport
 - (e) Salinan Sijil-Sijil Akademik
 - (f) Salinan Muka Depan Artikel Jurnal Yang Telah Diterbitkan Oleh Calon
 - (g) Salinan H-Index Scopus Calon
 - (h) Gambar Berukuran Passport (5 keping)
- 5.2 Permohonan yang telah disahkan oleh Penyelia dan disokong oleh fakulti/pusat/pusat kecemerlangan perlu dikemukakan kepada JPI bagi tujuan dibawa untuk perakuan Ahli Jawatankuasa Pemilih dan Penilai Kemajuan Lantikan Pasca Doktorat UMPSA.
- 5.3 Keperluan temuduga calon adalah tertakluk kepada keperluan Ahli Jawatankuasa Pemilih dan Penilai Kemajuan Lantikan Pasca Doktorat UMPSA yang akan dimaklumkan kepada calon.

6.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

6.1 Tugas dan tanggungjawab Pasca Doktoral adalah seperti berikut:

- (a) Bertanggungjawab menjalankan penyelidikan berdasarkan kertas kerja penyelidikan yang telah dikemukakan di bawah seliaan Penyelia. Kertas kerja penyelidikan mesti berkaitan dengan geran penyelidikan penyelia.
- (b) Bertanggungjawab mencapai Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator) yang ditetapkan Universiti.
- (c) Mengemukakan Laporan Kemajuan setiap empat (4) bulan sekali atau mana-mana yang ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Pemilih dan Penilai Kemajuan Lantikan Pasca Doktoral UMPSA.
- (d) Mengemukakan Laporan Akhir Penyelidikan, setelah selesai mengikut tempoh penyelidikan seperti yang telah ditetapkan di dalam surat tawaran.

6.2 Tugas dan tanggungjawab Penyelia adalah seperti berikut:

- (a) Bertanggungjawab di atas projek penyelidikan dengan memenuhi jangkaan prestasi yang dijanjikan.
- (b) Bertanggungjawab memastikan Pasca Doktoral yang dilantik di bawah skim melengkapkan Laporan Kemajuan setiap empat (4) bulan.
- (c) Projek penyelidikan yang diluluskan adalah diwajibkan menghasilkan output penyelidikan berdasarkan tujuan geran itu ditawarkan.
- (d) Bertanggungjawab memastikan Pasca Doktoral mengemukakan Laporan Akhir Penyelidikan serta dokumen berkaitan di akhir tempoh penamatan perkhidmatan.

6.3 Tugas dan Tanggungjawab Fakulti/Pusat Kecemerlangan:

- (a) Menyediakan ruang bekerja untuk pasca doktoral.
- (b) Memantau prestasi pasca doktoral.

7.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KEY PERFORMANCE INDICATOR)

7.1 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Lantikan Secara Konvensional adalah seperti berikut:

(a) **Penerbitan Artikel (75%)**

Menerbitkan minimum enam (6) artikel jurnal yang diindeks dalam Web of Science (WoS) sekurang- kurangnya empat (4) Q1/Q2 pada tahun lantikan yang mana dua (2) artikel perlu diterbitkan pada tahun pertama sebagai penulis pertama/utama, penyelia sebagai penulis utama/bersama, meletakkan afiliasi kepada fakulti/pusat/pusat kecemerlangan UMPSA dan meletakkan penghargaan kepada geran penyelidikan yang berdaftar dengan UMPSA.

(a) **Geran Penyelidikan Luar (10%)**

- Memperoleh satu (1) Geran Penyelidikan Luar (Antarabangsa/Industri/ Agensi) sebagai penyelidik bersama yang didaftarkan di JPI berdasarkan jumlah geran dan bidang seperti berikut:
- Bidang S&T : Minimum RM 10,000
- Bidang Bukan S&T : Minimum RM 5,000

(b) **Konsultasi/Khidmat Teknikal (5%)**

- Menjalankan satu (1) projek konsultasi/khidmat teknikal yang berbayar bersama pihak antarabangsa/industri/agensi sebagai penyelidik bersama yang didaftarkan di JPI.

(c) **Bimbingan Pelajar Prasiswazah/Pascasiswazah (5 %)**

- Membimbing pelajar prasiswazah/ pascasiswazah.

(d) **Perkhidmatan/Servis/Sumbangan Kepada Universiti (5%)**

- Terlibat secara rasmi dalam penganjuran satu (1) seminar/ bengkel/program kepada staf dan pelajar UMPSA.
- Menjalankan tugas lain-lain yang diarahkan oleh Penyelia/Dekan/Pengarah yang berkaitan dengan tugas Pasca Doktorat dari masa ke semasa
- Penambahbaikan/ Pembangunan Sistem dan Peralatan Makmal (Nilai Tambah)
- Menambahbaik dan membangunkan sistem, peralatan, proses kerja berkaitan penyelidikan di makmal penyelidikan yang boleh digunapakai oleh staf dan pelajar UMPSA.

7.2 Prestasi Utama bagi Pasca Doktorat boleh diubah daripada masa ke semasa berdasarkan matlamat dan objektif pihak pengurusan universiti.

8.0 GAJI DAN INSENTIF PENERBITAN

8.1 Pembayaran gaji bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Konvensional boleh dikategorikan melalui sumber peruntukan seperti berikut (tertakluk kepada garis panduan pemberi dana yang berkuatkuasa):

- (a) Sumber peruntukan universiti.
- (b) Sumber geran penyelidikan yang berdaftar dengan universiti.
- (c) Sumber pembiayaan sendiri/luar/sumber lain/gabungan.

*Untuk kategori 8.1 (b) dan (c):

- Permohonan & kelulusan dibawa ke Jawatankuasa Pemilih Pasca Doktorat UMPSA
- KPI mengikut pemberi dana yang berdaftar dengan UMPSA. Sekiranya tiada, KPI mengikut KPI UMPSA.

8.2 Jumlah gaji adalah setara dengan gaji asas & elaun-elaun tetap yang layak diterima mengikut gred yang disetarakan yang akan dinyatakan dalam surat tawaran.

8.3 Lantikan juga adalah tertakluk kepada caruman KWSP dan potongan lain yang berkuatkuasa.

8.4 Pembayaran insentif penerbitan bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Jarak Jauh (*Remote*) hanya boleh melalui sumber peruntukan Universiti.

8.5 Bagi Pasca Doktorat yang dilantik melalui Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA Secara Jarak Jauh (*Remote*) pembayaran adalah berbentuk insentif penerbitan berdasarkan pengindeksan artikel seperti berikut:

- RM 2,500 bagi artikel jurnal yang diindeks dalam *Web of Science* (WoS) Q1
- RM 1,500 bagi artikel jurnal yang diindeks dalam *Web of Science* (WoS) Q2

8.6 Kriteria tuntutan insentif penerbitan bagi Pasca Doktorat Secara Jarak Jauh (*Remote*):

- Pasca Doktorat sebagai penulis pertama/utama dan penyelia sebagai penulis utama/Bersama
- Afiliasi kepada Fakulti / Pusat Kecemerlangan UMPSA.
- Digalakkan penghargaan kepada geran berdaftar UMPSA atau dana Pasca Doktorat.
- Maksimum tuntutan yang dibenarkan adalah sebanyak 6 artikel dalam tempoh kontrak lantikan.

9.0 CUTI REHAT

9.1 Cuti rehat bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat Secara Konvensional adalah seperti berikut (tertakluk kepada garis panduan pemberi dana yang berkuatkuasa):

- (a) Cuti rehat yang diperuntukkan adalah sebanyak 25 hari setahun.
- (b) Cuti rehat yang tidak digunakan pada tahun semasa adalah luput dan tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya sekiranya kontrak Pasca Doktorat dilanjutkan.
- (c) Cuti rehat yang tidak digunakan adalah luput apabila sesuatu kontrak yang berkuat kuasa tamat.
- (d) Pasca Doktorat adalah tidak layak untuk menikmati cuti-cuti lain seperti yang diperuntukkan kepada staf tetap UMPSA.
- (e) Pasca Doktorat adalah layak untuk mendapat kemudahan perubatan yang akan dinyatakan dalam surat tawaran.
- (f) Pasca Doktorat yang ingin memohon cuti rehat perlu membuat permohonan di Sistem *E-Community* dan perlu diluluskan oleh Penyelia.

10.0 PERJALANAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PENYELIDIKAN ATAU PERIBADI

- 10.1 Pasca Doktorat yang dilantik di bawah Skim Lantikan Pasca Doktorat Secara Konvensional yang ingin membuat perjalanan ke luar negara atas urusan penyelidikan atau peribadi perlu melaksanakan proses berikut:
- (a) Mengisi Borang Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA dan Lampiran A.
 - (b) Mengemukakan Borang Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA dan Lampiran A bagi tujuan mendapatkan sokongan Penyelia serta pengesahan Dekan Fakulti/Pusat atau Pengarah Pusat Kecemerlangan.
 - (c) Mengemukakan Borang Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA bagi tujuan mendapatkan perakuan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).
 - (d) Mengemukakan Borang Permohonan Perjalanan Ke Luar Negara Bagi Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA yang telah diperaku Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) beserta Lampiran A kepada Naib Canselor bagi tujuan kelulusan.
- 10.2 Pasca Doktorat yang dilantik di bawah Skim Lantikan Pasca Doktorat Secara Konvensional yang ingin membuat perjalanan ke luar negara perlu mematuhi segala prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Pendaftar yang berkuatkuasa.
- 10.3 Segala kos yang terlibat bagi tujuan perjalanan ke luar negara atas urusan penyelidikan atau peribadi adalah di bawah tanggungjawab Pasca Doktorat/Penyelia.

11.0 KEMUDAHAN LAIN

Kemudahan lain yang disediakan bagi Pasca Doktorat yang dilantik di bawah Skim Lantikan Pasca Doktorat Secara Konvensional adalah seperti berikut (tertakluk kepada kemudahan yang dinyatakan dalam surat tawaran):

- (a) Tiket kapal terbang mengikut kelayakan (seorang sahaja) pergi dan balik bagi setiap tempoh perlantikan bagi calon bukan warganegara.
- (b) Bayaran Visa (Pas Ikhtisas) bagi calon bukan warganegara.
- (c) Ruang kerja Pasca Doktorat adalah di bawah tanggungjawab Penyelia dan Fakulti/Pusat/Pusat Kecemerlangan yang terlibat.
- (d) Pasca Doktorat adalah layak menggunakan kemudahan makmal dan lain-lain kemudahan yang diperlukan atas sokongan Penyelia dan perlu mendapat kelulusan Dekan Fakulti/Pusat atau Pengarah PusatKecemerlangan.


12.0 PENAMATAN PERKHIDMATAN

Universiti dan calon boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberitahu notis 30 hari secara bertulis.

13.0 LAIN-LAIN

Garis Panduan Skim Lantikan Pasca Doktorat UMPSA perlu dibaca bersama prosedur, peraturan dan tatacara Jabatan Pendaftar yang berkuatkuasa.

LAMPIRAN CARTA ALIR PROSES KERJA SKIM LANTIKAN PASCA DOKTORAL UMPSA



**Kelulusan Mesyuarat Senat Universiti
Kali ke-244 Bil. 5/2026
17 Mac 2026**

**Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Daru Makmur**